

Atasi rasa kecut bila pecut naik go-kart

NURAFIQAH DAUD

INGIN cuba pandu laju dalam persekitaran yang selamat tanpa melanggar undang-undang?

Kartright Speedway yang terletak di Jurong menawarkan peluang bagi anda memandu go-kart laju dalam sebuah litar khusus.

Bagi saya yang tinggal di bahagian timur pulau, perjalanan menuju Kartright Speedway agak payah.

Menggunakan pengangkutan awam, saya mengambil kira-kira 90 minit untuk tiba di sana.

Namun, usaha dan masa yang dihabiskan tidak sia-sia kerana pengalaman yang diperolehi memang seronok!

Trek Kartright Speedway merupakan litar perlumbaan tetap pertama di Singapura.

Sebelum dibenarkan memandu go-kart, saya diberi taklimat keselamatan.

Keselamatan merupakan keutamaan firma itu – terdapat lebih kurang 4,000 tayar yang dijadikan dinding keselamatan sepanjang litar tersebut untuk mengurangkan impak jika berlaku perlanggaran.

Pemandu juga dikehendaki memakai topi keledar.

Selepas mendengar taklimat, saya diperkenalkan dengan go-kart yang disediakan di litar itu.

Mereka yang mempunyai lesen memandu boleh mencuba go-kart yang berupaya mencapai kelajuan 50 km sejam.

Kanak-kanak yang berusia 10 tahun dan ke atas pula boleh memandu go-kart yang mampu capai kelajuan 30 km sejam.

Selepas diperkenalkan dengan go-kart, saya langsung selesai diri di tempat pemandu.



PANDU GO-KART: Penulis teruja memandu go-kart di litar Kartright Speedway di Jurong. – Foto MUHD AUDI MOHD RATHI

Pada mulanya, saya akur saya memang tidak berapa berani mahu memandu go-kart itu.

Sambil menarik nafas panjang, saya lantas menekan pedal minyak dan terasa pecutan go-kart itu.

Dalam beberapa pusingan awal, saya lebih

berwaspada – tidak berani memandu pantas dan mengurangkan kelajuan apabila menghampiri selekoh.

Namun, saya sedar inilah peluang menguji diri saya dalam memandu laju kerana persekitarannya terkawal.

Justeru saya beranikan diri dan mula menikmati kelajuan yang ditawarkan go-kart ini.

Selepas berjaya mengatasi perasaan gemetar, perjalanan selepas itu lebih lancar.

Setelah berjaya mengatasi perasaan kecut, saya berupaya memandu dengan lebih lancar.

Memang seronok dapat memandu kart tersebut dengan laju walaupun di selekoh ketat yang terdapat di sepanjang litar itu.

Saya mendapati bahawa memandu go-kart tidak terlalu sukar, lebih kurang seperti memandu kereta biasa. Tetapi, rasa ganjil juga menaiki kenderaan yang tidak berdinging.

Semasa memandu, ada beberapa lopak air di litar akibat hujan malam sebelumnya.

Beberapa kali, roda go-kart saya hilang cengkaman dan saya dapat rasakan seolah-olah go-kart ini tergelincir.

Memang menakutkan, kerana ia kegiatan yang memacu adrenalin.

Namun, keseronokan memandu kart itu tidak dapat dinikmati pada masa yang lama.

Setiap sesi hanya 10 minit sahaja.

Orang dewasa dikenakan bayaran \$30 (hari biasa) dan \$33 (hujung minggu).

Kanak-kanak pula dikenakan bayaran \$20 (hari biasa) dan \$23 (hujung minggu).

Ada juga go-kart yang boleh memuatkan dua orang. Bagi mereka yang mahu memandu berdua dalam sebuah go-kart, bayarannya ialah \$47 (hari biasa) dan \$50 (hujung minggu).

Walaupun kosnya agak tinggi, pengalaman memandu go-kart sesuatu yang amat unik.

Penulis pelajar tahun akhir Universiti London (Institut Pengurusan Singapura)